

07 MAY 1996

SYARIKAT BOEING BERI KESAN POSITIF KEPADA PROGRAM OFFSET

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Pembuat pesawat yang berpangkalan di Seattle, Boeing Commercial Airplane Company (Boeing) telah memberi isyarat positif kepada cadangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) berkaitan dengan program timbal balas di mana MAS akan membuat sebahagian komponen pesawat tersebut.

Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli menyatakan kakitangan Boeing akan melawat anak syarikat baru MAS, MAS Aerotechnologies Sdn Bhd, dalam bulan Jun untuk menilai keupayaan dari segi tenaga kerja dan kelengkapan.

"Saya tidak tahu berapa banyak yang boleh dijimatkan daripada program itu. Para pegawai Boeing perlu mengaudit kemudahan itu terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan MAS Aerotechnologies di Subang.

Tajudin berkata MAS berminat untuk mengeluarkan alatan tertentu dan komponen pesawat secara tempatan.

"Kami percaya Boeing akan memberikan kesan positif kepada permintaan kami tetapi sejauh mana belum diketahui lagi," kata beliau.

MAS telah menempah 15 pesawat B777 dan 10 pesawat B747-400 daripada Boeing dengan anggaran kos RM10 bilion.

Anak syarikat kejuruteraan milik penuh MAS itu mempunyai modal yang dibenarkan RM1 bilion dan modal berbayar RM550 juta.

Tajudin juga menyatakan MAS telah berunding dengan pembekal lain untuk membuat beberapa komponen yang diperlukan di kilangnya.

"Kami telah membeli kelengkapan canggih dan telah melatih tenaga kerja di tempat tersebut.

Tajudin menyatakan tempat menyimpan pesawat yang keempat akan dibina di Subang sebelum ketibaan Boeing baru yang dibeli dalam bulan Mei 1997. --

BERNAMA

JSM RIF SIA